



RAJA Zarith Sofia melihat gambar yang dipamerkan sambil diperhatikan oleh Rektor Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn (KUiTTHO) Ismail Bakar (kanan) dan Mohamad Ali Hashim (kiri) selepas majlis perasmian Galeri Tunku Canselor di Batu Pahat semalam.

## Pengunjung pesta KUiTTHO boleh melawat Galeri Tun Canselor um 10/9/04

BATU PAHAT 9 Ogos — Pengunjung pesta Konvokesyen Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn (KUiTTHO) Ke-3 yang bermula hari ini berpeluang melawat Galeri Tun Canselor, Tunku Ibrahim Ismail Sultan Iskandar.

Pameran selama sebulan itu memberi kesempatan kepada orang ramai melihat gambar-gambar Tunku Mahkota Johor itu semasa kecil hingga sekarang terma-

suk koleksi gambar perkahwinannya dengan Raja Zarith Sofia Sultan Idris.

Tunku Ibrahim Ismail adalah tokoh pertama yang mengisi ruang pameran dan sekali gus menambah satu lagi keistimewaan KUiTTHO kepada pengunjung luar kerana tokoh yang mengisi ruang pameran akan diganti setiap bulan.

Perasmian galeri itu di-sempurnakan Raja Zarith Sofia semalam.

Turut hadir ialah Ahli Lembaga Pengarah KUiTTHO, Tan Sri Mohammad Ali Hashim dan Rektornya, Profesor Dr. Ismail Bakar.

Lebih daripada 100 gambar Tunku Ibrahim Ismail bersama isteri, anak-anak, keluarga dan rakan-rakan dipamerkan bagi membolehkan rakyat mengenali Tengku Mahkota dengan lebih dekat.

“Galeri pelbagai gambar

keluarga, aktiviti sukan dan kegiatan bersama rakyat ini adalah penghargaan universiti kepada Tunku Ibrahim Ismail selaku Canselor universiti,” kata Ismail.

Beliau berharap orang ramai terutamanya penduduk setempat merebut peluang mengunjungi galeri itu yang akan dibuka setiap hari pada waktu pejabat.

Konvokesyen KUiTTHO akan berakhir esok.